



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT**  
**PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI**  
**HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD. YUSSOF**  
**MENTERI PERTAHANAN II**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PENUTUP**  
**PROGRAM PERKEMBANGAN EKSEKUTIF (EDP)**  
**SIRI 14/2018**

**HARI JUMA'AT**

**22 RABIULAWAL 1440 / 30 NOVEMBER 2018**

**JAM: 10.00 PAGI**

**INSTITUT PENGAJIAN PERTAHANAN DAN STRATEGIK**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi *and Very Good Morning*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَسَلَامٌ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia,  
Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan  
bin Pengiran Haji Mahmud  
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Mulia,  
Pengiran Dato Paduka Haji Mohd Jefri bin Pengiran  
Haji Abdul Hamid  
Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Setiausaha-Setiausaha Tetap;

Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan;

Pemerintah-Pemerintah Tentera,

dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama

Penolong Naib Canselor Universiti Brunei  
Darussalam;

Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei;

Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan  
Awam;

*Professor Francesco Mancini  
dari Lee Kuan Yew School of Public Policy, National  
University of Singapore;*

Pengarah –pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan

dan Peserta-Peserta Program Perkembangan  
Eksekutif Siri ke-14/2018;

***Serta para hadirin hadirat yang dirahmati Allah  
yang Peramba / Saya hormati dan kasihi sekalian.***

1. Alhamdulillah Syukur ke Hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri ke-14 bagi tahun 2018 telah pun sampai ke penghujungnya pada hari Juma'at di bulan Maulidur Rasul yang penuh keberkatan ini, dan terbit di air muka para peserta program jelas kelihatan kegembiraan dan kelegaan.
2. Peramba / Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta program atas dedikasi dan ketabahan yang ditapai selama tiga (3) bulan sehingga berjaya menjalani Program Perkembangan Eksekutif atau EDP yang intensif dan berprestij ini.
3. Melalui ucapan Lt. Kol. Siti Isah binti Haji Abu Talip bagi pihak peserta-peserta program, Peramba / Saya berharap para peserta

mendapati program ini telah memberikan pulangan yang baik, terutama sekali dalam memberikan nilai tambah dan lebih memahami cabaran penggubalan dan penyediaan sesuatu dasar.

4. Peramba / Saya gembira melihat ramai pegawai-pegawai lepasan EDP tahun-tahun yang sudah juga berada di dewan ini. Dan banyak lagi pegawai-pegawai lain di luar Kementerian Pertahanan yang kini memegang pelbagai jawatan dan tanggungjawab.
5. *I would also like to take this opportunity to thank Professor Mancini for the overview of this year's programme. I appreciate very much the hard work that has been put into another successful iteration of the EDP.*

***[Sumbangan EDP kepada professionalisme]***

6. Alhamdulillah Program EDP telah menjadi komponen penting dalam pembangunan kerjaya Pegawai-Pegawai Kanan di Kementerian Pertahanan dan ABDB dari sejak ianya bermula pada tahun 2004. Program ini merupakan kursus mandatori untuk memastikan para pegawai berupaya membuat analisa dan mendalami proses pembentukan dasar yang dapat menjadi satu kemahiran asas dalam kerjaya seseorang pegawai kanan, sebelum memikul tanggungjawab yang lebih berat menerusi jawatan seterusnya.
7. Dengan adanya penyertaan pegawai-pegawai kanan dari pelbagai latarbelakang dan kepakaran yang meliputi pelbagai bidang iaitu pertahanan dan keselamatan, penguatkuasaan, kewangan,

dan juga perubahan, pelbagai perspektif telah dapat dikongsikan bersama. Ini merupakan sumbangan penting ke arah menjayakan program tersebut. Penglibatan pegawai-pegawai kanan dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Perdana Menteri telah menambah keyakinan program ini dan sekaligus mendokong usaha dalam merealisasikan pendekatan *whole of nation*.

8. Peramba / Saya juga merasa gembira difahamkan bahawa para peserta telah dapat membuat lawatan-lawatan ke Kementerian-Kementerian Kerajaan serta berinteraksi dengan banyak lagi jabatan-jabatan di bawahnya bagi melihat pendekatan yang diambil bagi sama-sama mencapai objektif-objektif negara.

9. Adalah menjadi keutamaan bagi Kementerian Pertahanan untuk memperkembangkan tahap profesionalisme yang tinggi di dalam tenaga kerja, dan Peramba / Saya melihatnya sebagai satu pelaburan dan merupakan satu keperluan penting dalam memenuhi tugas-tugas besar yang diamanahkan.

***[Kepentingan-kepentingan di dalam Pertahanan dan Agenda Pembangunan Nasional]***

**Para hadirin dan hadirat yang Peramba / Saya hormati,**

10. Misi Kementerian Pertahanan mempertahankan kedaulatan negara dan integriti rantau memerlukan angkatan bersenjata yang kuat dan kredibel, ianya harus mempunyai kesiapsiagaan



yang tinggi ke arah membentuk kapabiliti ketenteraan. Ianya jua melibatkan kerjasama dengan rakan-rakan antarabangsa, dan berperanan untuk menyumbang kepada jaminan keamanan dan keselamatan melalui misi-misi perdamaian, atau *peace-support missions*.

Keutamaan-keutamaan ini semua mendokong agenda pembangunan negara.

11. Cabaran-cabaran kepada pembangunan negara pada masa kini bersifat lebih kompleks. Ianya mempunyai pelbagai dimensi dan mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain. Jika kita mengambil keselamatan maritim sebagai contoh; selain dari dimensi keselamatan, ianya mempunyai aspek-aspek lain yang berkaitan dengan sosio-ekonomi dan alam sekitar. Bagi

penggubal-penggubal dasar yang berhadapan dengan isu-isu yang kompleks, ianya perlu membuat pendekatan secara menyeluruh, dan dilihat melalui lensa kepentingan negara, dalam erti kata lain tidak hanya terhad kepada kepentingan atau keutamaan sesebuah jabatan.

11. Inilah yang telah ditekankan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, di mana Baginda menekankan pentingnya mengenalpasti keperluan negara yang sebenar, dan seterusnya

membuat kajian dengan perhitungan yang mendalam.

***[Kertas Policy Analysis Exercise (PAE)]***

12. Peramba / Saya mengambil maklum bahawa para peserta telah memilih untuk membuat pengajian mengenai pelbagai topik-topik yang meluas untuk Latihan Dasar Analisis atau *Policy Analysis Exercise (PAE)* mereka – merangkumi bidang yang berhubungkait dengan pembangunan ekonomi dan sosial, persekitaran, kesihatan, pengangkutan, tenaga kerja dan keselamatan, yang mana ianya mencerminkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kini. Peramba / Saya sangat berharap akan dapat membaca kertas-kertas tersebut nanti.

13. Sepanjang program ini, Peramba / Saya juga berharap para peserta menyedari hakikat bahawasanya pembentukan sesuatu polisi/dasar memerlukan penilaian teliti akan cabaran-cabaran yang unik, serta karakter atau ciri-ciri dalam persekitaran dasar tersebut. Bagi Negara Brunei Darussalam, cara kehidupan kita untuk sekian lama hingga kini adalah berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja.
  
14. Penilaian sesebuah dasar itu tidak cukup dinilai dari segi kesannya di dalam jangka masa pendek tetapi adalah juga penting bagi memikirkan impak tempoh jangka masa yang panjang. Ianya memerlukan pendekatan yang teliti dan sistematik. Pengalaman Peramba / Saya semasa bertugas di kementerian-kementerian lain, telah menggariskan pentingnya kerjasama yang

inovatif: bukan saja yang dapat memanfaatkan kekuatan-kekuatan yang ada di pelbagai pihak kerajaan dan masyarakat sivil, tetapi juga yang dapat memupuk jalinan kerjasama yang ber-sinergi, yang dapat memberikan nilai tambah kepada kepentingan-kepentingan bersama.

15. Ini bermakna ianya perlu melibatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dengan semangat perundingan (muzakarah) dan perbincangan (musyawarah) ke arah mencapai hasil atau *outcome* yang lebih bernilai dan berkesinambungan kepada orang ramai.

16. Untuk mencapai objektif-objektif negara, komitmen dari semua adalah diperlukan, dan Tuan-Tuan/Puan-Puan yang hadir di dalam bilik ini, tidaklah terkecuali untuk bekerjasama ke

arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Kita yang berkhidmat di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mempunyai tanggungjawab bersama yang besar dan berkekalan untuk memberi sumbangan signifikan dan berkhidmat demi kepentingan negara.

**[Penutup, Ucapan Penghargaan dan Kata-Kata Galakan]**

***Para hadirin yang Peramba / Saya hormati sekalian,***

17. Peramba / Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas pengendalian program ini. Peramba / Saya

perhatikan bahawa sudah banyak kertas-kertas analisa dasar dari peserta-peserta EDP terdahulu, yang telah menyediakan cadangan-cadangan berguna serta praktikal termasuk yang telah dilaksanakan dalam beberapa buah organisasi. Peramba / Saya menggalakkan institut ini untuk terus mengongsikan kertas kajian seumpamanya nanti dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan, dan ada baiknya ianya diterbitkan sebagai sumbangan bagi perbincangan-perbincangan yang berterusan mengenai pembangunan negara.

18. *To our guests from Lee Kuan Yew School of Public Policy, I once again thank Professor Mancini in ensuring the successful delivery of the course according to the high standards required of the course. I thank Professor Dodo Thampapillai for*

*his work in developing the programme content and stewardship throughout the delivery, as well as Dr. Caroline Brassard for her teaching and mentoring throughout the full three months. I hope we can continue building on the strong working relationship with Lee Kuan Yew School of Public Policy.<sup>1</sup>*

*I wish you a safe journey home, and I look forward to another successful programme next year.*

19. Kepada para peserta program, Peramba / Saya dengan tulus ikhlas mendoakan kejayaan yang berterusan di dalam bidang kerjaya sekalian. Sekembalinya ke jabatan dan unit masing-masing nanti, Peramba / Saya menggalakkan untuk mengekalkan budaya mahu belajar dan budaya



perbincangan yang membina. Peramba / Saya berharap para peserta akan mempraktikkan dengan serta-merta pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di dalam program ini. Lihatlah kepada *efficiency* dan keberkesanan cara kita menunaikan tanggungjawab kita.

20. Berfikirlah dalam konteks yang lebih besar, iaitu dengan mengutamakan kepentingan negara. Dan ambillah setiap peluang untuk memikirkan dan melaksanakan inisiatif yang praktikal bagi mendokong kepentingan - kepentingan pembangunan dan keselamatan negara dan masa depannya.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

\*\*\*\*\*

---